



JABATAN PERTANIAN

Department of Agriculture

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Aras Mezzanine & Aras 2, Menara Z10

Jalan Alamanda 2, Presint 1

62000 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : 603-8880 6600
Faks : 603-8880 6644
E-mel : unitimportpra@doa.gov.my
Portal Rasmi : www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP.BBT.207/SKIP/379/C/ Jld 7 (76)
Tarikh : 16 Januari 2026

SENARAI PEGAWAI SEPERTI EDARAN

YBhg. Dato'/Datin/Datu/Dr./Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PROSEDUR BIOSEKURITI TUMBUHAN: PROSEDUR PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN MENGANDUNGI TINJA HAIWAN KE MALAYSIA SERTA PERGERAKAN ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Dengan segala hormatnya saya diarah untuk merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini dibawah Jawatankuasa Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKPMOBO) telah membangunkan Prosedur Biosekuriti Tumbuhan (PBT): Prosedur Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan Mengandungi Tinja Haiwan Ke Malaysia Serta Pergerakan Antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tujuan pembangunan PBT ini adalah amat penting bagi memastikan produk bio-baja yang diimport selamat digunakan dan tidak membawa risiko kepada tumbuhan, haiwan, hidupan akuatik, dan manusia, tidak mendatangkan ancaman kepada alam sekitar dan mematuhi had toleran maksimum bagi kandungan logam berat yang dibenarkan.

3. Sehubungan itu, penerbitan PBT ini adalah sebagai rujukan Jabatan / Agensi serta pihak industri (pengimport) agar aktiviti pengimportan produk bahan organan mengandungi tinja haiwan yang diimport selamat digunakan dan tidak berbahaya kepada tumbuhan / haiwan / hidupan akuatik / manusia. Pemakaian PBT ini adalah untuk permohonan pengimportan mikroorganisma dan bahan organan dari mana-mana negara ke Malaysia serta pergerakan antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976.

“ANDA KAMI UTAMAKAN”



ACB 027



MAS 101400



MS ISO 37001:2016 (ABMS 00275)



ACB ABMS 01



4. PBT ini boleh ini boleh dicapai di portal rasmi Jabatan Pertanian iaitu <https://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/341?mid=90>. Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi talian 03-8880 6600 (Unit Kawalan Import & PRA) atau e-mel unitimportpra@doa.gov.my.

Segala perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ARIZAL BIN ARSHAD)
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Pertanian

s.k.

1. Ketua Pengarah Pertanian
2. Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Regulatori)
3. Pengarah, Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
4. Ketua Seksyen Kawalan Import dan Penguatkuasaan Akta

SENARAI EDARAN:

EDARAN LUAR

1. **Ketua Pengarah**
Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan
Malaysia (AKPS)
Aras 1, Setia Perkasa 2,
Kompleks Setia Perkasa
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
**Tel.: 03-8886 3276 /
03-8886 3233**

EDARAN DALAMAN

1. **Ketua Setiausaha**
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Pejabat Ketua Setiausaha
Aras 15, Wisma Tani, No. 28, Persiaran Perdana, Presint
4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624
PUTRAJAYA
**Tel.: 03-88701013
Faks: 03-88880181**
2. **Ketua Pengarah**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS)
Aras 2, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 PUTRAJAYA
**Tel : 603-88702202
Faks : 603-88886051**
3. **Ketua Pengarah**
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan
Malaysia (MAQIS)
Level 4, Blok 4G1, Menara Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint 4
62624 PUTRAJAYA
Tel: 0388708019
4. **Pengarah**
Jabatan Pertanian Sabah
Ibu Pejabat Jabatan Pertanian, Aras 5,
Wisma Pertanian Sabah, Jln Tasik Luyang, Off Jln Maktab
Gaya,
Beg Berkunci No.2050,
88632 KOTA KINABALU, SABAH
**Tel: 088-283283
Faks: 088-239046**
5. **Pengarah**
Jabatan Pertanian Sarawak
Tingkat 7, 12-14, 16 &17, Menara Pelita,
Jalan Tun Abdul Rahman Yakub, Petra Jaya,
93050 KUCHING, SARAWAK
**Tel: 082-319820 ext.
221
Faks: 082-447639**

6. **Pengarah**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah
Aras 3, Blok B, Wisma Pertanian Sabah
Jalan Tasik, Luyang (Off Jln Maktab Gaya)
Beg Berkunci 2051
88999 KOTA KINABALU, SABAH

7. **Pengarah**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak
Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar
Lot 877, Jalan Semenggok, Off Batu 12, Jalan Kuching-
Serian
93250 KUCHING, SARAWAK
Tel: 082-628249
Faks: 082-628227

8. **Pengarah**
Bahagian Perancangan Strategik
Aras 16, Wisma Tani,
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
Tel.: 03-88703013

9. **Pengarah**
Bahagian Pembangunan Industri Tanaman
Aras 10 & 12, Wisma Tani,
No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
Tel.: 03-88703412

10. **Pengarah**
Bahagian Pengembangan Pertanian
Aras 8, Wisma Tani, No. 30,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
Tel.: 03-8870 3439
Faks : 03-8870 3377

11. **Pengarah**
Bahagian Pengurusan Sumber Tanah
Aras 9, Wisma Tani, No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
Tel.: : 03-8870 3422
Faks : 03-8888 4326

12. **Pengarah**
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman
Aras 7, Wisma Tani, No. 30, Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
Tel. : 03-8870 3448
Faks : 03-8888 7639

13. **Pengarah**
Bahagian Kawalan Racun Perosak Dan Baja
Aras 3 & 4, Menara Z10, Jalan Alamanda 2, Presint 1,
62000 PUTRAJAYA
Tel.: 03-8880 6600

14. **Pengarah**
Bahagian Kejuruteraan Pertanian
Kompleks Pertanian Serdang, Beg Berkunci 201,
Pejabat Pos Upm, 43400 SERDANG, SELANGOR
Tel. : 03-8949 3500
Faks : 03-8949 3700

15. **Pengarah**
Bahagian Pertanian Bandar
Aras 12, Wisma Tani, No. 30,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
Tel.: 03-8870 3212
Faks : 03-8870 3282

16. **Pengarah**
Bahagian Perkhidmatan Makmal
Blok C, Jalan Gallagher,
50480 KUALA LUMPUR
Tel.: 03-2697 7220
Faks : 03-2697 7225

17. **Pengarah**
Bahagian Pembangunan Modal Insan
Aras 13, Wisma Tani, No. 30,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
Tel. : 03-8870 3032
Faks : 03-8888 8475

18. **Pengarah**
Bahagian Khidmat Pengurusan
Aras 11, Wisma Tani, No. 30,
Persiaran Perdana, Presint 4,
62624 PUTRAJAYA
Tel.: 03-8870 3401
Faks: 03-8888 6242

19. Pengarah Pertanian Negeri Kedah
20. Pengarah Pertanian Negeri Perak
21. Pengarah Pertanian Negeri Pahang
22. Pengarah Pertanian Negeri Kelantan
23. Pengarah Pertanian Negeri Selangor
24. Pengarah Pertanian Negeri Johor
25. Pengarah Pertanian Negeri Terengganu
26. Pengarah Pertanian Negeri Sembilan
27. Pengarah Pertanian Negeri Perlis
28. Pengarah Pertanian Negeri Pulau Pinang
29. Pengarah Pertanian Negeri Melaka
30. Pengarah Pertanian Negeri W.P. Labuan



PROSEDUR BIOSEKURITI TUMBUHAN

PROSEDUR PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN MENGANDUNGI TINJA HAIWAN KE MALAYSIA SERTA PERGERAKAN ANTARA SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

PENGENALAN

1. Pengimportan mikroorganisma dan bahan organan ke Malaysia serta pergerakan antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah tertakluk kepada keperluan Permit Import (Import Permit, IP) atau Lesen Import (LI) atau Lesen Eksport (LE) di bawah:
 - a. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167);
 - b. Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981;
 - c. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728);
 - d. Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (Akta 860);
 - e. Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 (Sarawak);
 - f. Enakmen Haiwan 2015 (DVS Sabah);
 - g. Enakmen Makanan Haiwan 2021(DVS Sabah); dan
 - h. Enakmen Baja Pertanian 2025 (DOA Sabah)

2. Bahan organan berisiko mengandungi mikroorganisma yang berbahaya kepada tumbuhan, haiwan, hidupan akuatik, manusia dan alam sekitar serta kandungan logam berat yang melebihi had toleran maksimum yang dibenarkan. Oleh yang demikian, sampel bahan organan tersebut perlu dianalisis terlebih dahulu bagi memastikan bahan organan yang diimport atau dibawa masuk ke Malaysia serta pergerakan antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah bebas daripada patogen berbahaya dan tidak melebihi had toleran maksimum kandungan logam berat, sebelum permit pengimportan secara komersial dikeluarkan.

3. Mikroorganisma yang diimport atau dibawa masuk ke dalam negara untuk tujuan penyelidikan pertanian juga perlu dikawal dan diverifikasi bagi pengesahan spesies yang diisytihar sebelum mendapat pelepasan penggunaan di fasiliti atau premis penyelidikan yang telah diluluskan.
4. Keperluan ini adalah selaras dengan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 iaitu Peraturan 3, 4(3), 5(1) dan 5(4), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) Seksyen 11 (1) dan 11 (2), serta Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (Akta 860).
5. Pengimportan bahan organan sama ada mengandungi tinja haiwan atau tidak ke Semenanjung Malaysia dan WP Labuan memerlukan satu IP yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) yang mengandungi keperluan pengimportan dari agensi sama ada Jabatan Pertanian Malaysia (DOA Malaysia) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS Putrajaya).
6. Pengimportan bahan organan ke Sabah atau Sarawak memerlukan IP dari Jabatan Pertanian Sabah (DOA Sabah) atau Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak). Manakala, bagi Pengimportan bahan organan mengandungi tinja haiwan ke Sabah atau Sarawak memerlukan IP dari Jabatan Pertanian Sabah (DOA Sabah) atau Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS Sabah) atau Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak (DVS Sarawak).
7. Pengimportan bahan organan untuk tujuan komersial atau penyelidikan yang dibenarkan adalah berkaitan dengan pertanian sahaja. Contohnya seperti baja organik, baja bio, *plant growth promoting*, *root growth promoting* dan *soil conditioner* atau *soil amendment*. Manakala pengimportan mikroorganisma sama ada mikroorganisma patogenik (pathogenic microbes) atau mikroorganisma berfaedah (beneficial microorganisms) hanya bagi tujuan penyelidikan yang berkaitan dengan pertanian sahaja. Pengimportan semua tinja haiwan dan unggas yang tidak terproses dan tinja manusia (raw animal faeces, raw avian faeces, and human waste) sebagai bahan organan adalah **DILARANG**.

8. Pengimportan bahan biologi selain daripada bahan organan yang mengandungi mikroorganisma bagi tujuan pertanian seperti rawatan dan pembersihan air kolam yang tidak dikawal atau tertakluk di bawah mana-mana Kementerian, Jabatan atau agensi kerajaan boleh dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKPMOBO). Manakala, bagi pengimportan bahan organan yang mengandungi bahan asas tinja ayam atau haiwan hendaklah disahkan status kesihatan haiwan negara pengimport sama ada bebas dari sebarang penyakit *Newcastle Disease* dan *Highly Pathogenic Avian Influenza* (HPAI) melalui Seksyen Perkhidmatan Import/Eksport, Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, DVS Putrajaya sebelum membuat permohonan ke JKPMOBO.
9. DVS bertanggungjawab membangunkan keperluan import untuk haiwan dan produk haiwan melalui prosedur analisis risiko import. Berdasarkan keperluan import yang telah dibangunkan, pihak berkuasa veterinar negara pengeksport boleh mengeluarkan perakuan status penyakit dan kesihatan haiwan dan keselamatan bahan organan yang mengandungi tinja.
10. Produk berasaskan haiwan seperti tinja haiwan yang terjangkit atau terdedah kepada kontaminasi boleh menyebabkan penularan penyakit haiwan dan penyakit zoonotik. Produk sebegini perlu dihalang daripada memasuki negara bagi memastikan penyakit tidak menular kepada ternakan dan untuk memastikan keselamatan kesihatan awam veterinar bagi kesejahteraan rakyat Malaysia.
11. DVS Putrajaya termasuk Sabah dan Sarawak merupakan Pihak Berkuasa Veterinar yang bertanggungjawab ke atas pengawalan dan pencegahan penyakit haiwan dan zoonotik. DVS juga bertanggungjawab menetapkan syarat kesihatan veterinar dan sanitari dan fitosanitari (SPS) ke atas negara pengeksport bagi pengawalan import haiwan dan produk haiwan.

OBJEKTIF

PBT ini bertujuan untuk menyediakan prosedur lengkap kepada semua pemegang taruh dan Pegawai Pemeriksa atau Penguat Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan konsainan semua mikroorganisma dan bahan organan mengandungi tinja haiwan ke Malaysia serta pergerakan antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

SKOP

Skop prosedur ini meliputi definisi, arahan dan prosedur pengimportan mikroorganisma dan bahan organan mengandungi tinja haiwan ke Malaysia serta pergerakan antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Berdasarkan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 di bawah: **Item 23 Chapter/Heading/Subheading: 3101.00, Jadual Ketiga, Bahagian I**, pengimportan mikroorganisma dan bahan organan mengandungi tinja haiwan ke Malaysia serta pergerakan antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan WP Labuan adalah dilarang kecuali jika mematuhi syarat pengimportan sepertimana dalam *Manner of Import* yang ditetapkan bagi komoditi tersebut.

SYARAT PENGIMPORAN

1. Syarat pengimportan semua mikroorganisma dan bahan organan mengandungi tinja haiwan ke Malaysia adalah tertakluk kepada keperluan yang telah ditetapkan.
2. Jika pengimportan dari Luar Malaysia:
 - a. surat kelulusan Jawatankuasa Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKPMOBO);
 - b. surat pengesyoran DVS bagi produk bahan organan yang mengandungi tinja haiwan;
 - c. IP daripada MAQIS bagi Semenanjung Malaysia dan WP Labuan; **ATAU**
 - d. IP dan LI daripada;
 - i. DOA Sabah; **ATAU**
 - ii. DOA Sarawak; **DAN**
 - iii. DVS Sabah; **ATAU**
 - iv. DVS Sarawak
bagi Sabah atau Sarawak.;
 - e. Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) daripada Negara Pengeksport ke Semenanjung Malaysia dan WP Labuan; **ATAU**
 - f. Sijil Fitosanitari (PC) dan SKV daripada Negara Pengeksport ke Sabah atau Sarawak; **DAN**
 - g. pemeriksaan di pintu masuk oleh MAQIS **ATAU** Agensi Kawalan Perlindungan Sempadan (AKPS) **ATAU** DOA Sabah **ATAU** DOA Sarawak **DAN** DVS Sabah **ATAU** DVS Sarawak.

3. Jika pergerakan dari Semenanjung Malaysia dan WP Labuan ke Sabah atau Sarawak:
 - a. surat kelulusan Jawatankuasa Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKPMOBO);
 - b. surat pengesyoran DVS Sabah **ATAU** DVS Sarawak bagi produk bahan organan yang mengandungi tinja haiwan dari Semenanjung Malaysia **ATAU** WP Labuan ke Sabah **ATAU** Sarawak;
 - c. IP dan LI daripada:
 - i. DOA Sabah; **ATAU**
 - ii. DOA Sarawak; **DAN**
 - iii. DVS Sabah; **ATAU**
 - iv. DVS Sarawak.
 - d. SKV daripada DVS Negeri di Semenanjung Malaysia **ATAU** DVS Putrajaya; **DAN**
 - e. pemeriksaan di pintu masuk oleh DOA Sabah **ATAU** DOA Sarawak **DAN** DVS Sabah **ATAU** DVS Sarawak.

4. Jika pergerakan dari Sabah **ATAU** Sarawak ke Semenanjung Malaysia **ATAU** WP Labuan:
 - a. surat kelulusan Jawatankuasa Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan (JKPMOBO);
 - b. Akuan Kebenaran Pindah (APTVM) DVS Negeri di Semenanjung Malaysia **ATAU** WP Labuan seperti **Lampiran 1**;
 - c. SKV daripada DVS Sabah **ATAU** DVS Sarawak; **DAN**
 - d. LE dari DVS Sabah **ATAU** DVS Sarawak.

TANGGUNGJAWAB PEMEGANG TARUH

1. Tanggungjawab Pemohon

- a. Pemohon perlu memastikan semua maklumat yang dikemukakan dalam sistem permohonan atas talian www.agrotrade.kpk.gov.my adalah tepat dan sahih bagi memudahkan penyelarasan di pihak DOA sekiranya berlaku ketidakpatuhan ke atas konsainan.
- b. Pemohon perlu memohon IP **ATAU** IP **DAN** LI sebelum pengimportan.

2. Tanggungjawab DOA Semenanjung Malaysia

- a. Menetapkan dasar dan prosedur pengimportan yang jelas sebagai rujukan kepada semua pemegang taruh.
- b. Menganalisa sampel dan produk.
- c. Melaksanakan verifikasi premis penyimpanan sebelum IP dikeluarkan.

3. Tanggungjawab DOA Sabah dan Sarawak

- a. Mengeluarkan IP dan LE.
- b. Pemeriksaan konsainan MOBO di pintu masuk Sabah atau Sarawak:
 - i. pemeriksaan dokumen seperti:
 - a) IP;
 - b) surat kelulusan JKPMOBO; **DAN**
 - c) SKV;
 - ii. pemeriksaan konsainan semasa ketibaan agar konsainan mikroorganisma dan bahan organan bebas dari perosak dan penyakit;
 - iii. pengambilan sampel ke atas konsainan untuk tujuan pengesanan perosak dan penyakit; **DAN**
 - iv. tindakan kuarantin akan dikenakan ke atas mana-mana konsainan yang didapati tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

3. Tanggungjawab MAQIS atau AKPS

- a. Mengeluarkan IP dan EP.
- b. Pemeriksaan konsainan MOBO di pintu masuk Semenanjung Malaysia dan WP Labuan:
 - i. pemeriksaan dokumen:
 - a) surat kelulusan JKPMOBO;
 - b) IP; **DAN**
 - c) SKV;
 - ii. pemeriksaan konsainan semasa ketibaan agar konsainan mikroorganisma dan bahan organan bebas dari perosak dan penyakit;
 - iii. pengambilan sampel ke atas konsainan untuk tujuan pengesanan perosak dan penyakit oleh DOA; dan
 - iv. tindakan kuarantin akan dikenakan ke atas mana-mana konsainan yang didapati tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

4. Tanggungjawab DVS Putrajaya

- a. Menetapkan keperluan pengimportan MOBO berkaitan penyakit haiwan dan zoonotik.
- b. Mengeluarkan pengesyoran bagi pengimportan bahan organan mengandungi tinja haiwan.
- c. Mengeluarkan SKV bagi pergerakan dalam Malaysia.
- d. Mengeluarkan APTVM DVS Negeri di Semenanjung Malaysia atau WP Labuan.

5. Tanggungjawab DVS Sabah dan Sarawak

- a. Menetapkan keperluan pengimportan MOBO berkaitan penyakit haiwan dan zoonotik.
- b. Mengeluarkan pengesyoran bagi pengimportan bahan organan mengandungi tinja haiwan.
- c. Mengeluarkan LI dan LE.
- d. Mengeluarkan SKV bagi pergerakan dalam Malaysia.
- e. Pemeriksaan konsainan MOBO di pintu masuk Sabah dan Sarawak:
 - ii. pemeriksaan dokumen:
 - d) surat kelulusan JKPMOBO;
 - e) LI; **DAN**
 - f) SKV.

TARIKH KUATKUASA

Pemakaian prosedur ini berkuatkuasa bermula daripada tarikh PBT ini dikeluarkan.

PEMAKAIAN

PBT ini adalah terpakai kepada pengimportan MOBO ke seluruh pintu masuk Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Pemakaian PBT ini akan berkuatkuasa selama tiga (3) tahun sebelum dikaji semula pelaksanaannya.

PENAFIAN

Pihak DOA, DVS dan MAQIS atau AKPS tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau tindakan undang-undang sekiranya berlaku apa-apa pelanggaran pengimportan bahan organan dan mikroorganisma mengandungi tinja haiwan ke Malaysia atau pergerakan antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan WP Labuan.

RUJUKAN

1. Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167)
2. Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981
3. Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)
4. Akta Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan (Akta 860)
5. Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999 (Sarawak)
6. Enakmen Haiwan 2015 (DVS Sabah)
7. Enakmen Makanan Haiwan 2021(DVS Sabah)
8. Prosedur Pengimportan Mikroorganisma dan Bahan Organan

MAKLUMAT PERTANYAAN


Sebarang pertanyaan berhubung Prosedur Biosekuriti Tumbuhan ini, sila hubungi:

Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
Jabatan Pertanian
Aras Mezzanine & 2, Menara Z10
Jalan Alamanda 2, Presint 1
62000 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
(u.p : Unit Kawalan Import & Analisis Risiko Perosak)
No. Tel.: 03 – 8880 6600
No. Faks: 03 – 8880 6644

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NOR SAM BINTI ALWI)

Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian

Tarikh: 22/12/2025

s.k:

1. Ketua Setiausaha, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
2. Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)
3. Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)
4. Ketua Pengarah, Agensi Kawalan Perlindungan Sempadan (AKPS)
5. Pengarah, Jabatan Pertanian Sabah
6. Pengarah, Jabatan Pertanian Sarawak
7. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah
8. Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak



**ARAHAN PROSEDUR TETAP
VETERINAR MALAYSIA**

**PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH
HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN
ANTARA NEGERI DI MALAYSIA**

No Dokumentasi : APTVM (20a(1):2009)

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA

**ARAHAN PROSEDUR TETAP
VETERINAR MALAYSIA**

**PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH
HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN
ANTARA NEGERI DI MALAYSIA**

No Dokumentasi : APTVM (20a(1):2009)

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar	
1.0 Pengenalan	1
2.0 Skop.....	1
3.0 Definisi	2
4.0 Kata Singkatan.....	4
5.0 Arahan Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan.....	4
5.1 Arahan Am.....	4
5.2 Pendaftaran Premis.....	6
5.3 Pendaftaran Pengangkutan.....	7
5.4 Pendaftaran Pemandu dan Pengendali Haiwan.....	8
5.5 Pendaftaran Haiwan dan Produk Haiwan	8
6.0 Prosedur Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan Dan Produk Haiwan.....	9
6.1 Permohonan.....	9
6.2 Pengurusan Akuan Kebenaran Pindah Masuk.....	10
6.3 Pengurusan Akuan Kebenaran Pindah Keluar.....	11
6.4 Sijil Kesihatan Veterinar.....	11
6.5 Pemindahan Haiwan Dan Produk Haiwan	13
6.6 Pengesahan Penerimaan Haiwan Dan Produk Haiwan Di Lapangan.....	14
6.7 Rekod dan Laporan	15
7.0 Langkah Penguatkuasaan	15
8.0 Kesedaran Awam	16
9.0 Timbangtara	17
10.0 Rujukan	17
Carta Aliran Kerja Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan Dan Produk Haiwan Antara Negeri Di Malaysia	18

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Semua urusan kebenaran pindah haiwan dan produk haiwan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV). Lazimnya, haiwan dipindahkan untuk tujuan sembelih, pelihara, pembiakan, pameran atau perayaan/adat. Manakala produk haiwan dipindahkan untuk diproses atau dipasarkan.


Semua pemindahan haiwan dan produknya merentasi negeri asal memerlukan Akuan Kebenaran Pindah (AKP). AKP merupakan dokumen yang perlu dibawa bersama semasa dalam perjalanan pindah. Penyelarasan pengurusan kebenaran pindah ini bertujuan untuk mengawal penyakit, sebagai mekanisme dayajajak serta memudahkan penternak/pedagang menjalankan urusniaga secara sah. Maka, semua pemindahan haiwan dan produknya hendaklah disertai dengan Sijil Kesihatan Veterinar (SKV) yang menjadi dokumen rujukan utama dan yang terakhir dikeluarkan.

Semua premis haiwan, haiwan dan produknya serta pengangkutan, pemandu dan pengendali haiwan perlu berdaftar dengan JPV. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai perkhidmatan veterinar mendaftarkan semua premis haiwan dan haiwan atau produknya bagi membolehkan dayajajak ke hadapan dan ke belakang dijalankan. Setiap haiwan dan produknya boleh dikenali melalui nombor tag pengenalan, mikrochip, ear notch, passport, kumpulan (batch), tatoo atau RFID.

Sebelum kebenaran pindah diberikan, penternak/ pedagang perlu terlebih dahulu mengemukakan permohonannya kepada JPV negeri lokasi asal dan JPV negeri lokasi destinasi. Permohonan pindah perlu dibuat melalui Sistem E-permit 2 yang merupakan sistem elektronik dan di atasi secara manual jika sistem offline. Hanya permohonan yang menepati syarat kebenaran pindah akan diluluskan dan haiwan atau produknya dibenarkan berpindah. Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia – Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan Antara Negeri di Malaysia, APTVM(20a(1):2009) ini menjelaskan pengurusan dan prosedur kebenaran pindah haiwan dan produk haiwan serta langkah-langkah penguatkuasaan, kesedaran awam dan timbangtara.

Maka dengan ini diarahkan kepada semua mereka yang ingin menjalankan pemindahan haiwan dan produk haiwan antara negeri di Malaysia supaya mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar melalui Sistem E-permit 2 dengan mematuhi Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia, APTVM(20a(1):2009).

Harapan JPV dengan adanya APTVM ini dapat meningkatkan lagi mutu penyampaian dan perkhidmatan veterinar serta menjana ekonomi negara yang lebih mapan. Maka saya mengarahkan semua pihak yang terlibat untuk mematuhi arahan prosedur ini.



Dato' Dr. Abd. Aziz bin Jamaluddin
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

**ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA
PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN
ANTARA NEGERI DI MALAYSIA**

1.0 PENGENALAN

Pemindahan haiwan dilaksanakan untuk tujuan pembiakan, pemeliharaan dan sembelih, sementara produk haiwan samada sebagai makanan atau bahan mentah kepada proses seterusnya.

Tiga aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam pemindahan haiwan dan produknya ialah kesihatan haiwan, status penyakit di lokasi asal dan lokasi yang ingin ditujui serta kebajikan haiwan. Maka Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTVM) Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan bermatlamat untuk :

- i. Mencegah penularan penyakit haiwan yang berjangkit dan zoonotik
- ii. Menjamin kesihatan awam dan produk haiwan selamat kepada pengguna
- iii. Membangunkan suatu mekanisma dayajejak yang berwibawa dan mantap

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) merupakan pihak berkuasa yang mengendalikan urusan kebenaran pindah haiwan dan produknya. Pemiliknya berharap pemindahan dapat dilaksana dengan mudah tanpa sebarang masalah. Maka menjadi tanggungjawab semua yang terlibat dalam Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan untuk memberikan perkhidmatan yang pantas, cekap dan berkesan.

2.0 SKOP

APTVM bagi Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan antara negeri di Malaysia meliputi pengurusan dan prosedur kebenaran pindah haiwan dan produk haiwan, di samping langkah penguatkuasaan, kesedaran awam dan timbangtara.

3.0 DEFINISI

3.1. Akuan Kebenaran Pindah

Dokumen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa veterinar bagi membolehkan haiwan dan produk haiwan dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain secara sah.

3.2. Dayajejak

Kebolehan menjejaki pemindahan haiwan dan produk haiwan dalam rantaian pengeluarannya samada satu langkah ke hadapan atau ke belakang.

3.3. E-Permit

Suatu sistem pengurusan permit pemindahan ternakan secara elektronik.

3.4. Haiwan

Semua binatang termasuk lembu, kambing, kerbau, bebiri, kuda, babi, rusa, anjing, kucing, unggas serta mana-mana binatang yang di kurung atau bawah kawalan, pada sebarang umur atau jantina.

3.5. Indeks Penyakit

Satu kawasan penyakit setempat atau tapak utama bagi sesuatu penyakit yang diuruskan melalui APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan.

3.6. Lokasi ternakan

Lokasi ternakan akan merujuk kepada premis berdaftar yang ditentukan Sistem Kedudukan Global samada sebagai lokasi asal atau lokasi destinasi.

3.7. Lokasi Asal

Lokasi asal merujuk kepada tempat dimana sumber haiwan berada samada di premis, kampung, mukim atau daerah yang dirujuk kepada status penyakit dan larangan pergerakan haiwan semasa.

3.8. Negeri

Semua tiga belas (13) negeri dan tiga (3) Wilayah Persekutuan di Malaysia.

3.9. Pemandu Kenderaan Ternakan

Orang yang mengangkut haiwan dari satu lokasi ke satu lokasi lain.

3.10. Pengendali Haiwan

Orang yang bekerja dan/atau bersentuhan secara langsung dengan haiwan sebelum, semasa atau selepas dipindahkan.

3.11. Penternak

Orang yang menternak binatang.

3.12. Premis

Ladang, tempat, kandang, reban, rumah sembelih, loji pemprosesan, kilang makanan haiwan, klinik haiwan, kedai haiwan, pasar basah, rumah atau bangunan di mana haiwan atau produk haiwan ditempatkan atau diletakkan secara sementara atau tetap serta dijalankan perkhidmatan berkaitan haiwan.

3.13. Produk Haiwan

Sesuatu hasilan yang berasaskan haiwan yang masih mentah, telah diproses atau yang dihasilkan secara semulajadi.

3.14. Sijil Kesihatan Veterinar (SKV)

Dokumen yang mengesahkan kesihatan haiwan untuk membolehkan haiwan dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain dan menjadi dokumen rujukan utama dan yang paling akhir dikeluarkan oleh mereka yang bertanggungjawab.

3.15. Tanda Pengenalan Ternakan

Pengenalan ternakan boleh berbentuk tag telinga, tanda cacah, branding atau pelbagai tanda yang boleh menentukan pengenalan. Penggunaan tag RFID digalakkan untuk meningkat kecekapan dayajejak.

3.16. Unggas

Semua unggas termasuk ayam domestik, ayam kampung, itik, angsa, ayam belanda, ayam serama, ayam mutiara, burung unta, burung merpati dan mana-mana burung yang di kurung atau bawah kawalan, pada sebarang umur atau jantina.

4.0 KATA SINGKATAN

AKP - Akuan Kebenaran Pindah
AKPM - Akuan Kebenaran Pindah Masuk
AKPK - Akuan Kebenaran Pindah Keluar
JPV - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
RFID - Radio Frequency Identification
SKV - Sijil Kesihatan Veterinar

5.0 Arahan Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan dan Produk Haiwan

5.1. Arahan Am

5.1.1. Semua pemindahan haiwan dan produk haiwan antara negeri mestilah mendapat Akuan Kebenaran Pindah Masuk dari negeri

- destinasi terlebih dahulu dan diikuti Akuan Akuan Kebenaran Pindah Keluar dari negeri lokasi asal.
- 5.1.2. Semua pemindahan haiwan dan produk haiwan yang menggunakan kenderaan ternakan samada antara negeri, antara daerah atau di lokasi asal hendaklah disertai SKV.
 - 5.1.3. Bagi haiwan yang melalui proses kuarantin, AKPM dan AKPK untuknya hanya boleh dikuatkuasakan setelah konsigmen mendapat Sijil Kuarantin daripada pegawai kuarantin atau veterinar bertauliah (kuarantin).
 - 5.1.4. Sebelum AKPM atau AKPK dikeluarkan, semak perintah larangan pergerakan (kuarantin) yang masih berkuatkuasa di lokasi asal dan bandingkan dengan status lokasi destinasi untuk ditentukan samada pemindahan dibenarkan, diletakkan syarat langkah pencegahan atau di tolak.
 - 5.1.5. Bagi premis yang telah membangunkan kepungan, laporan kepungan daripada veterinar bertauliah boleh dirujuk.
 - 5.1.6. Lokasi destinasi perlu terlebih dahulu bersedia dan sesuai untuk menerima haiwan baru. Vaksinasi perlindungan mungkin perlu dijalankan keatas stok sedia ada sebelum pemindahan masuk dibenarkan.
 - 5.1.7. Semua haiwan dan produk haiwan yang diangkut dengan kenderaan pengangkut ternakan samada antara negeri, daerah atau di lokasi asal hendaklah memiliki tanda pengenalan.

- 5.1.8. Pengangkutan haiwan hendaklah dibuat dengan menggunakan kenderaan pengangkut ternakan yang berdaftar serta pemandu dan pengendali ternakan yang mematuhi amalan kebajikan haiwan.
- 5.1.9. Pengasingan daripada stok sedia ada dilokasi destinasi untuk tempoh penyesuaian amat digalakkan.
- 5.1.10. Pihak berkuasa veterinar atau veterinawan bertauliah yang menguruskan prosedur pemindahan haiwan dan produk haiwan mestilah memiliki perwakilan kuasa yang sah. (Rujuk Arahan Prosedur Tetap Pendaftaran Veterinawan Bertauliah).

5.2 Pendaftaran Premis

- 5.2.1 Semua premis haiwan perlu berdaftar dengan JPV.
- 5.2.2 Pendaftaran premis perlu dijalankan oleh pegawai di Bahagian Regulatori JPV negeri atau pegawai lain yang berkaitan.
- 5.2.3 Maklumat yang perlu dilengkapkan dalam borang pendaftaran premis merangkumi maklumat :
 - 5.2.3.1 Premis
 - 5.2.3.2 Pemilik premis
 - 5.2.3.3 Wakil premis untuk dihubungi
 - 5.2.3.4 Kenyataan projek/aktiviti
 - 5.2.3.5 Lampiran siji/gambar.
- 5.2.4 Semua premis yang berdaftar akan diberikan 6 abjad angka (alphanumeric) nombor pendaftaran premis. Contoh : D00001
- 5.2.5 Nombor pendaftaran premis ini akan digunakan semasa membuat permohonan

kebenaran pindah haiwan dan produk haiwan.

- 5.2.6 Pendaftaran premis perlu dilakukan sekali sahaja dan perlu dikemaskini sekurang-kurangnya setahun sekali.
- 5.2.7 Petugas di lapangan perlu melakukan lawatan secara berkala bagi memantau perkembangan premis.
- 5.2.8 Pendaftaran premis hendaklah dibatalkan sekiranya premis telah ditutup atau tidak beroperasi lagi.

5.3 Pendaftaran Pengangkutan

- 5.3.1 Semua pengangkutan yang digunakan untuk pemindahan haiwan dan produk haiwan perlu berdaftar dengan JPV.
- 5.3.2. Kenderaan yang ingin didaftarkan hendaklah memenuhi keperluan asas kebajikan haiwan.
- 5.3.3 Pengangkutan yang dimiliki oleh penternak/pengusaha/pemilik premis perlu didaftarkan di bawah premis yang telah didaftarkan terlebih dahulu.
- 5.3.4 Pendaftaran pengangkutan boleh dilakukan serentak dengan pendaftaran premis atau dilakukan berasingan.
- 5.3.5 Pengangkutan yang disewa atau dipinjam juga perlu didaftarkan sebelum permohonan kebenaran pindah haiwan dan produk haiwan dilakukan.
- 5.3.6. Untuk jangkamasa panjang, kebenaran hanya diberi kepada kenderaan yang memenuhi piawai kebajikan haiwan..

Kenderaan tersebut tidak boleh digunakan untuk tujuan lain yang menjejaskan kesihatan haiwan.

5.4. Pendaftaran Pemandu dan Pengendali Haiwan

- 5.4.1. Pemandu kenderaan dan pengendali haiwan bagi setiap pengangkutan berdaftar hendaklah direkod dan didaftarkan.
- 5.4.2. Pemandu kenderaan dan pengendali haiwan mesti memahami secara asas prinsip kebajikan haiwan.
- 5.4.3. Mereka digalakkan menghadiri kursus asas kebajikan haiwan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh perkhidmatan.
- 5.4.4. Mereka bertanggung jawab membawa SKV bersama ternakan yang diangkut sehingga ke lokasi destinasi.
- 5.4.5. Pemandu kenderaan dan pengendali haiwan hendaklah memberi nombor telefon terkini dan perlu bersedia menjalani pemeriksaan kesihatan segera bila perlu.
- 5.4.6. Pegawai yang mengesahkan ketibaan pemindahan haiwan di lokasi destinasi hendaklah menilai prestasi kebajikan haiwan .

5.5. Pendaftaran Haiwan dan Produk Haiwan

- 5.5.1 Setiap haiwan yang akan dipindahkan perlu berdaftar dengan JPV.
- 5.5.2 Ternakan terutama lembu, kambing, kerbau, bebiri, rusa dan babi perlu didaftarkan dan mempunyai nombor pengenalan.

- 5.5.3 Haiwan lain seperti anjing, kucing dan kuda juga perlu didaftarkan dan mempunyai nombor pengenalan.
- 5.5.4. Bagi haiwan yang telah memiliki tanda pengenalan, ianya hanya perlu mendaftarkan nombor tersebut.
- 5.5.5. Unggas samada ayam, itik atau puyuh akan di kenali mengikut kumpulan (batch) atau konsigmen.
- 5.5.6. Karkas dan produk haiwan akan dikenali melalui label mengikut konsigmen.
- 5.5.7. Semua lembu dan kerbau yang dikuarantin atau dari kawasan sempadan negara, mesti memiliki tag RFID.
- 5.5.8. Bagi lembu dan kerbau dari kawasan lain, digalakkan memasang tag RFID ketika pemindahan bagi meningkatkan dayajejak.
- 5.5.9. Pendaftaran haiwan boleh dilakukan serentak dengan pendaftaran premis atau dilakukan berasingan.

6.0 Prosedur Pengurusan Kebenaran Pindah Haiwan Dan Produk Haiwan

6.1. Permohonan

- 6.1.1. Permohonan kebenaran pindah haiwan dan produk haiwan boleh dilakukan dimana-mana pejabat perkhidmatan veterinar seluruh Malaysia .
- 6.1.2. Petugas perlu pastikan samada pemindahan tersebut dalam lokasi asal, merentasi mukim, daerah, jajahan, bahagian atau negeri.

- 6.1.3. Tentukan keperluan AKP mengikut peraturan negeri berkenaan. Sekiranya tidak memerlukan, AKP tetapi melibatkan penggunaan kenderaan, maka pemeriksaan veterinar harus dijalankan dan SKV perlu dikeluarkan kepada pemohon.
- 6.1.4. Sekiranya pemindahan itu merentasi negeri, rujuk manual E-Permit 2 untuk mendapatkan AKPM dan seterusnya AKPK.
- 6.1.5. Sekiranya AKPM dan AKPK diperlukan, pastikan arahan perkara 5 dipatuhi.

6.2. Pengurusan Akuan Kebenaran Pindah Masuk

- 6.2.1. Semua syarat pemindahan masuk haiwan atau produk haiwan akan ditetapkan oleh Pengarah JPV Negeri di mana haiwan atau produk haiwan akan masuk.
- 6.2.2. Pengarah JPV Negeri mempunyai kuasa menambah atau mengurangkan syarat mengikut keadaan atau status penyakit semasa di negerinya atau atas arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia.
- 6.2.3. Rujuk kepada Pendaftaran Premis pemohon serta status Indeks Penyakit Haiwan bagi sesuatu lokasi. Pengarah boleh menjalankan analisa risiko sebelum membenar atau menolak permohonan. Pengarah juga mempunyai pilihan untuk menambah syarat dimana perlu.
- 6.2.4. Pastikan premis destinasi juga telah pun didaftar. Sekiranya perlu, periksa kesesuaian dan kemudahan yang ada serta risikonya. Semak status penyakit dan jalankan analisa

risiko serta langkah pencegahan sebelum pemindahan masuk.

- 6.2.5. Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Lokasi Destinasi kemudian akan mengeluarkan AKPM beserta syaratnya yang akan dimaklumkan kepada pemohon dan negeri pengeluar.

6.3. Pengurusan Akuan Kebenaran Pindah Keluar

- 6.3.1. Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Lokasi Asal akan menyemak syarat dan akan menerima syarat atau merundingkan semula syarat yang ditetapkan oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Lokasi Destinasi.
- 6.3.2. Sekiranya telah wujud persetujuan antara dua pihak maka syarat tersebut akan diterima.
- 6.3.3. Pegawai yang bertanggung jawab di lokasi asal premis berdaftar akan menjalankan pemeriksaan kesihatan dan ujian yang disyaratkan mengikut kehendak negeri lokasi destinasi.
- 6.3.4. Sekiranya semua syarat yang ditetapkan oleh negeri lokasi destinasi mampu dipenuhi oleh negeri lokasi asal haiwan, maka AKPK boleh dikeluarkan.

6.4. Sijil Kesihatan Veterinar

- 6.4.1. Semua haiwan dan produk haiwan yang akan dipindahkan dinyatakan status kesihatannya melalui SKV yang akan menjadi dokumen rujukan utama dan yang terakhir dikeluarkan.

- 6.4.2. Pemeriksaan veterinar secara fizikal mesti dijalankan oleh penguasa veterinar atau veterinarwan bertauliah sebelum sebarang SKV dikeluarkan.
- 6.4.3. Sekiranya haiwan dan produknya telah melalui pemeriksaan veterinar dan didapati sesuai untuk dipindahkan serta telah memiliki tanda pengenalan yang sah, maka ianya boleh dibenarkan untuk dimuatkan ke dalam kenderaan ternakan.
- 6.4.4. Setelah selesai proses muatan, kenderaan tersebut hendaklah disucihama.
- 6.4.5. Setelah itu, kenderaan tersebut diséal.
- 6.4.6. Pegawai yang menjalankan pemeriksaan veterinar hendaklah mengeluarkan SKV. SKV tersebut hendaklah menyatakan secara tepat dan benar status kesihatan haiwan dan produknya dalam pemindahan itu. SKV hendaklah ditulis dengan tangan dan ditandatangani sendiri oleh mereka yang diberi kuasa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengarah serta dicop nama dan jawatan.
- 6.4.7. Bagi veterinarwan bertauliah, cop nama, jawatan dan nombor daftar APC perlu ternyata dengan jelas dalam SKV.
- 6.4.8. Maklumat dalam SKV dan nombor pendaftaran kenderaan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Pusat Maklumat dengan segera melalui SMS atau internet.

6.5. Pemindahan Haiwan Dan Produk Haiwan

- 6.5.1. Semua pemindahan haiwan dan produk haiwan samada dalam lokasi asal atau melewati lokasi asal mestilah beserta SKV.
- 6.5.2. Semua pemindahan haiwan dan produk haiwan antara negeri di Malaysia mesti disertai:
 - 6.5.2.1. Salinan Asal Sijil Kesihatan Veterinar
 - 6.5.2.2. Salinan cetakan Akuan Kebenaran Pindah Masuk (AKPM)
 - 6.5.2.3. Salinan cetakan Akuan Kebenaran Pindah Keluar (AKPK)
- 6.5.3. Pemindahan haiwan dan produk haiwan hendaklah mengikut tempoh masa sahlaku SKV yang hanya boleh digunakan untuk sekali pindah sahaja.
- 6.5.4. Pemandu hendaklah memandu dengan cermat dan berhenti ditempat teduh serta sentiasa berbekalkan air minum secukupnya untuk haiwan sepanjang perjalanan.
- 6.5.5. Pemandu hendaklah mengikut laluan yang dibenarkan dan tidak menyimpang atau masuk ke kawasan lain terutama bila membawa ternakan berisiko penyakit.
- 6.5.6. Sekiranya kenderaan asal rosak dan perlu diganti semasa dalam perjalanan, pemandu bertanggungjawab memaklumkan perubahan tersebut kepada pegawai yang mengeluarkan SKV.
- 6.5.7. Sekiranya berlaku kemalangan semasa dalam perjalanan, menjadi tanggungjawab

pemandu kenderaan, pengendali haiwan atau polis yang mengendalikan kes menghubungi JPV terdekat.

6.6. Pengesahan Penerimaan Haiwan Dan Produk Haiwan Di Lapangan

- 6.6.1. Pengesahan penerimaan haiwan dan produk haiwan di lapangan hendaklah dilakukan oleh pegawai perkhidmatan veterinar daerah/jajahan/negeri terdekat.
- 6.6.2. Bagi haiwan dan produk haiwan yang diterima di rumah sembelih atau loji pemprosesan ayam, pegawai rumah sembelih atau pegawai pemeriksa daging perlu mengesahkan penerimaan tersebut.
- 6.6.3. Periksa dokumen AKPK, AKPM dan SKV untuk mengesahkan penerimaan.
- 6.6.4. Jalankan pemeriksaan veterinar ke atas pengenalan haiwan/kumpulan/konsigmen untuk memastikan haiwan atau produk haiwan yang sama seperti dalam SKV telah sampai ke destinasi yang ditetapkan.
- 6.6.5. Pengesahan penerimaan hendaklah dimaklumkan kepada Pusat Maklumat melalui SMS atau internet.
- 6.6.6. Setelah pengesahan dibuat secara rasmi, maka rekod ternakan akan berpindah dari lokasi asal ke lokasi destinasi dan menjadikan prosedur pemindahan selesai.
- 6.6.7. Sebarang kelidakakuran hendaklah dilaporkan kepada Bahagian Penguatkuasa Negeri untuk tindakan selanjutnya.

- 6.6.8. Sebarang kejadian kes penyakit semasa ketibaan hendaklah dilaporkan kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri melalui Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri. Rujuk Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia – Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan [No.Dokumentasi : APTVM(16a/16b(1):2009)]
- 6.6.9. Susuli kawasan tersebut sekurang-kurangnya untuk tempoh dua minggu. Hubungi penternak untuk mendapatkan laporan terkini.

6.7. Rekod dan Laporan

- 6.7.1 JPV Negeri hendaklah menyimpan rekod berikut :

- 6.7.1.1 Rekod premis
- 6.7.1.2 Rekod pengangkutan
- 6.7.1.3 Rekod haiwan/ternakan
- 6.7.1.4 Rekod AKPM
- 6.7.1.5 Rekod AKPK
- 6.7.1.6 Rekod SKV

- 6.7.2. JPV Negeri boleh menyediakan analisa prestasi pengurusan Akuan Kebenaran Pindah bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan di negeri masing-masing.

7.0. Langkah Penguatkuasaan

- 7.1. Pemantauan pemindahan haiwan dan produk haiwan hendaklah dijalankan dari masa ke semasa untuk mengelakkan penyeludupan dan pemindahan haiwan dan produk haiwan yang tidak sah.
- 7.2. Pegawai penguatkuasa boleh memeriksa salinan AKPK, AKPM dan dokumen asal SKV yang mesti dibawa bersama semasa perjalanan pemindahan

haiwan dan produk haiwan. SKV menjadi dokumen terakhir bersama temakan.

- 7.3. Pegawai penguatkuasa dan semua penguasa veterinar boleh menyemak melalui SMS dengan menaip nombor pendaftaran kenderaan haiwan. Sekiranya perjalanan tersebut sah, nombor siri SKV, bilangan ternakan dan jenis ternakan akan dibalas melalui SMS. Tiada maklumat diberi jika perjalanan tidak sah.
- 7.4. Pegawai boleh menggunakan maklumat tersebut untuk menghubungi pusat operasi bagi mendapatkan perincian lain dalam sistem.
- 7.5. Sekiranya pemindahan haiwan membawa SKV sahaja, bermakna ia melibatkan pemindahan dalam negeri. Pegawai perlu menyemak lokasi haiwan pada masa itu berdasarkan maklumat dalam SKV.
- 7.6. Pegawai penguatkuasa berhak menahan, menyiasat dan mengambil tindakan undang-undang atas kesalahan tidak mempunyai dokumen pemindahan yang sah.

8.0. Kesedaran Awam

- 8.1. Semua mereka yang terlibat dalam industri hendaklah diberi kefahaman rasional pengenalan sistem ini agar mendapat sokongan mereka.
- 8.2. Semua peniaga, peraih, pemandu kenderaan dan pengendali haiwan hendaklah diberi latihan agar menghayati aspek yang mempunyai kepentingan bersama demi kemajuan perniagaan mereka.
- 8.3. Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri hendaklah memberi kesedaran kepada orang awam mengenai kepentingan pengurusan pemindahan haiwan dan produk haiwan untuk membantu mencegah, mengawal dan membasmi penyakit haiwan.

Kebolehan dan keupayaan mengawal sesuatu penyakit menunjukkan sistem pengurusan biosekuriti dan SPS yang cekap.


9.0. Timbangtara


- 9.1. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat mengenai perkara teknikal dan syarat yang dikenakan atau perbezaan lain yang tercetus, anda boleh kemukakan aduan kepada Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, JPV Putrajaya untuk ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Timbangtara oleh mereka yang pakar dan berkecuali.

10.0. Rujukan

- 10.1. Akta Binatang 1953 (Semakan 2006)
- 10.2. Protokol-Protokol Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia 2003
- 10.3. OIE International Conference on Animal Identification and Traceability 2009, Abstract Book
- 10.4. Negeri Kelantan Enakmen Lembu Kerbau 1968 (Pindaan 1983)
- 10.5. Laws of Sarawak, Chapter 32, Veterinary Public Health Ordinance, 1999 (Semakan 2008)
- 10.6. Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, 14hb Februari 2008
- 10.7. Warta Kerajaan Negeri Pahang, 12hb Ogos 2004
- 10.8. Warta Kerajaan Negeri Selangor, 22hb November 2007
- 10.9. Animal Ordinance 1962 (Sabah No. 16 of 1962)

**CARTA ALIRAN KERJA
PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN
ANTARA NEGERI DI MALAYSIA**





Petunjuk:

- | | |
|-------|---|
| AKPK | - Akuan Kebenaran Pindah Keluar |
| AKPM | - Akuan Kebenaran Pindah Masuk |
| SKV | - Sijil Kesihatan Veterinar |
| PKP | - Pegawai Kaunter Permit |
| PNLD | - Pengarah Negeri Lokasi Destinasi |
| PNLA | - Pengarah Negeri Lokasi Asal |
| PVNLD | - Pegawai Veterinar Negeri Lokasi Destinasi |
| PVNLA | - Pegawai Veterinar Negeri Lokasi Asal |

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN ARAHAN PROSEDUR TETAP
PENGURUSAN KEBENARAN PINDAH HAIWAN DAN PRODUK HAIWAN
ANTARA NEGERI DI MALAYSIA**

Penasihat : **Y.H. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria**
Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti
dan SPS

Disediakan oleh : **Dr. Salina binti Amad Bugis**
Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

PENGHARGAAN

1. Y.H. Dato' Dr. Ahmad Suhaimi bin Omar
Timb. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
2. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
3. Semua Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar Negeri
4. Semua Pengarah Bahagian, IPPV Putrajaya
5. Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit
6. Seksyen Epidemiologi dan Survelan
7. Seksyen Zoonosis dan Kesihatan Awam
8. Seksyen Perkhidmatan Kuarantin dan Import/Eksport
9. Seksyen Pemeriksaan Veterinar
10. Dr. Yahasmida Yaacob
11. Dr. Zarina binti Mohamed

JAWATANKUASA PENYEDIAAN ARAHAN PROSIDUR TETAP VETERINAR

Pihak yang terlibat dalam penyediaan Arahan Prosedur Tetap Veterinar ini terdiri daripada:

- o Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS, JPVM
- o Bahagian Perancang, JPVM
- o Bahagian Pembangunan Komoditi Ternakan, JPVM
- o Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti, JPVM
- o Bahagian Pembangunan Sumber Teknologi Ternakan, JPVM
- o Bahagian Pembangunan Industri Hiliran, JPVM
- o Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri, JPVN


No. Penjilidan: APTVM (20a(1): 2009)

Kata kunci; Pengurusan Kebenaran Pindah
Haiwan Dan Produk Haiwan Antara Negeri
Di Malaysia


Copyright 2009

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN MENDUNGHI TINJA HAIWAN SECARA KOMERSIAL (IP SAMPEL – PERMOHONAN KALI PERTAMA)




CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORAN MENGANDUNGI TINJA HAIWAN SECARA KOMERSIAL (VERIFIKASI PREMIS)



CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORAN BAHAN ORGANAN KOMERSIAL (PENGAWASAN DAN PEMANTAUAN) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

2 - 4 minggu bekerja



- Petunjuk:**
- DOA Malaysia
 - DOA Sabah
 - DOA Sarawak
 - DVS Putrajaya
 - DVS Sabah
 - DVS Sarawak
 - MAQIS
 - AKPS

SLIP PENGESAHAN KEHADIRAN

**MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL KUMBANG BADAH HAPLOTIP GUAM
(CRB-G) BIL. 2/2025
27 NOVEMBER 2025
ANJUNG SAWIT, PUSAT MAKLUMAT SAWIT, IBU PEJABAT MPOB BANGI**

Sila e-mel slip kehadiran ini sebelum atau pada 24 November 2025 (Isnin) kepada Pn. Nur Ain Farhah Binti Ros Saidon Khudri (ainfarhah@mpob.gov.my).

Dengan sukacitanya, saya atau wakil saya (seperti jadual di bawah) akan hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kumbang Badak Haplotip Guam (CRB-G) Bil.2/2025 sepertimana surat bertarikh 14 November 2025.


Bil.	Nama (Gred & Jawatan)	Kehadiran (Fizikal / Atas Talian)	No. Tel (Hp) & e-mel

Sekian dimakluman. Terima kasih.


Tandatangan:.....

Nama & Jawatan:.....

CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORAN MIKROORGANISMA DAN BAHAN ORGANAN MENGANDUNGI TINJA HAIWAN SECARA KOMERSIAL (IP SAMPEL – PERMOHONAN KALI PERTAMA)




CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORAN MENGANDUNGI TINJA HAIWAN SECARA KOMERSIAL (VERIFIKASI PREMIS)



CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIMPORAN BAHAN ORGANAN KOMERSIAL (PENGAWASAN DAN PEMANTAUAN) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

2 - 4 minggu bekerja



- Petunjuk:**
- DOA Malaysia
 - DOA Sabah
 - DOA Sarawak
 - DVS Putrajaya
 - DVS Sabah
 - DVS Sarawak
 - MAQIS
 - AKPS